

COVID-19 MENURUT PANDANGAN AKIDAH DAN RAWATAN ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL

Mohd Rosmizi Abd Rahmanⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan dan Ketua Program, Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. rosmizi@usim.edu.my

Abstrak

Kajian ini meneliti isu Covid-19 dari perspektif akidah Islam dan rawatan Islam. Covid-19 telah menjadi isu utama dunia yang mana pelbagai cara pencegahan dan rawatan telah diambil diseluruh negara. Permasalahannya ialah sangat kurang penelitian dari sudut akidah Islam dan rawatan Islam diketengahkan. Keadaan ini dikhuatiri akan menghakis akidah orang Islam dan menambahkan kebergantungan mereka kepada usaha manusia semata-mata. Justeru, kajian ini menyungkil konsep penyakit dan pandemik dalam pandangan Islam serta membincangkan pengajaran dan hikmah disebalik penyakit wabak, khususnya Covid-19. Kajian ini juga mengkaji konsep rawatan atau pengubatan Islam (rawatan nabi al-tibb al-nabawiyy), amalan-amalan tertentu sebagai pencegahan serta rawatan alternatif yang boleh dipraktis atau dilaksanakan. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan kajian perpustakaan yang menggunakan kaedah deskriptif dan analisis. Kajian ini penting bagi membantu menjaga dan memurnikan akidah umat Islam serta membantu mengurangi jangkitan penyakit wabak melalui rawatan Islam. Kajian ini mendapati bahawa pada terdapat beberapa isu akidah dalam permasalahan Covid-19 dan rawatan Islam dilihat sebagai salah satu rawatan alternatif yang perlu dilaksanakan dan diperkasakan.

Kata kunci: Covid-19, Akidah, Islam, Pengubatan Islam, Rawatan Islam.

PENDAHULUAN

Kajian ini meneliti isu covid-19 dari perspektif akidah Islam dan rawatan alternatif iaitu rawatan atau pengubatan Islam. Covid-19 telah menjadi isu utama dunia yang mana pelbagai cara pencegahan dan rawatan telah diambil diseluruh negara. Permasalahannya ialah sangat kurang penelitian dari sudut akidah Islam dan rawatan islam diketengahkan. Keadaan ini dikhuatiri akan menghakis akidah orang Islam dan menambahkan kebergantungan mereka kepada usaha manusia semata. Justeru, kajian ini menyungkil konsep penyakit dalam pandangan Islam, konsep rawatan atau pengubatan Islam (rawatan nabi atau *al-tibb al-nabawiyy*), amalan-amalan tertentu sebagai pencegahan serta amalan alternatif yang boleh dipraktis atau dilaksanakan. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan kajian perpustakaan. Kajian ini penting bagi

membantu menjaga dan memurnikan akidah umat islam serta membantu mencegah penyakit wabak melalui rawatan Islam.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan kajian perpustakaan yang menggunakan kaedah deskriptif dan analisis. Ia akan merujuk kepada kedua-dua sumber utama dan sumber sekunder. Maklumat dan respons terbaru mengenai Covid-19 dan isu-isu yang relevan melalui media sosial, NGO, dan organisasi berkaitan turut akan dirujuk.

Menerusi kaedah deskriptif, kajian ini akan membincangkan konsep penyakit wabak dan Covid-19, kesannya dan isu-isu berbangkit dari perspektif Akidah Islam. Seterusnya kajian ini akan meneliti dan menganalisa amalan-amalan tertentu dari al-Quran, hadis, dan pendekatan pengubatan atau rawatan Islam, khususnya Darussyifa'. Justeru, kajian ini juga akan memfokuskan kepada kaedah rawatan alternatif terhadap penyakit wabak seperti Covid-19 yang telah diamalkan oleh para ulama' dan organisasi pengubatan Islam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Covid-19 telah menjadi isu utama dunia yang mana pelbagai cara pencegahan dan rawatan telah diambil diseluruh negara. Permasalahannya ialah sangat kurang penelitian dari sudut akidah Islam diketengahkan. Amalan dan rawatan Islam turut seolah-olah tidak dihiraukan, sedangkan ia telah menyimpan seribu satu khazanah bernilai tentang konsep, pencegahan dan rawatan terhadap pelbagai penyakit termasuklah wabak berjangkit seperti Covid19.

Keadaan ini dikhuatiri akan menghakis akidah orang Islam dan menambahkan kebergantungan mereka kepada usaha manusia semata. Selain itu, pelbagai isu akidah yang timbul dari wabak Covid-19 juga harus diteliti dan diuruskan dengan segera. Amalan Nabi, para ulama' dan praktis rawatan Islam juga amat diperlukan untuk sama-sama membantu meredakan jangkitan Covid-19 dan penyakit-penyakit lain. Justeru, kajian ini akan menganalisa isu Covid-19 dari perspektif akidah Islam dan rawatan alternatif (rawatan Islam).

Antara permasalahan atau isu-isu akidah yang timbul berkaitan Covid-19 ialah seperti berikut:

- Menganggap penyakit atau wabak tiada kaitan langsung dengan Allah.
- Menyalahkan takdir atau Allah kerana menurunkan Covid-19.
- Terlalu takut kepada penyakit melebihi takut kepada Allah.
- Tiada tawakkal dan kebergantungan kepada Allah.
- Terlalu bergantung dan percaya kepada rawatan moden dan usaha manusia semata-mata.

- Mempercayai ubat dan usaha manusia yang memberikan kesembuhan.
- Mengagungkan rawatan dan perawat moden.
- Tidak percaya kepada rawatan Islam, meremehkannya atau menafikannya.
- Tidak yakin dengan al-Quran dan kuasa Allah.
- Tidak mengendahkan isu halal dan haram, benar dan bathil.
- Meninggalkan ibadah atau ibadah terjejas dengan sengaja.
- Terlibat dengan perkara syirik dan sebagainya.

Di antara permasalahan atau isu-isu akidah yang timbul berkaitan Covid-19 ini, ada yang sangat berbahaya kepada akidah Islam. Oleh itu, permasalahan ini perlu dikaji dan diketengahkan demi menyelamatkan akidah umat Islam.

PERBINCANGAN

COVID-19 TINJAUAN RINGKAS DARI KACAMATA AKIDAH DAN RAWATAN ISLAM

Virus Covid-19 atau Coronavirus atau merupakan merupakan satu wabak pandemik yang sedang mengancam seluruh dunia tanpa mengira agama, bangsa, bahasa dan pangkat. Ia merupakan satu penyakit pandemik terbaru, justeru tidak banyak tulisan dan kajian yang telah dijalankan sebelum ini.

Walaubagaimanapun, secara umumnya dari perspektif akidah Islam, ia merupakan salah satu penyakit dan ujian yang datang dengan keizinan Allah. Dari perspektif pengubatan Islam, virus atau penyakit sebenarnya adalah salah satu makhluk Allah. Oleh itu, terdapat beberapa persamaan dari sudut konsep, amalan, dan rawatan Islam terhadap pelbagai penyakit termasuklah pandemic Covid-19. Konsep, amalan dan kaedah tersebut dilihat boleh digunapakai sebagai cara alternatif dalam membantu mengurangkan, sekiranya tidak mencegah, penularan wabak Covid-19. Namun, tidak dinafikan masih banyak perbezaan yang perlu diperhatikan di antara Covid-19 dan penyakit-penyakit lain. Justeru, tulisan dan pendekatan dari bidang akidah dan pengubatan Islam adalah relevan dengan isu Covid-19 atau mana-mana penyakit wabak berjangkit.

Fatan Hamamah (2005) telah menjalankan kajian terhadap penyakit berjangkit dan kesannya terhadap rakyat Malaysia. Beliau mendapati bahawa penyakit berjangkit adalah fenomena biososial yang boleh menjakiti kesemua masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Beliau telah menyediakan laporan kajian yang menyentuh beberapa jenis penyakit berjangkit yang umum di Malaysia, serta meneliti punca penularannya dan perkembangannya serta langkah pengawalannya. Beliau menegaskan terdapat

hubungan yang kompleks antara manusia dengan mikroorganisma patogenik seperti virus, bakteria dan parasit. Yang membimbangkan ialah hubungan kompleks ini adalah sukar untuk dielakkan. Justeru langkah-langkah, program dan tindakan pengawalan dan pencegahan perlu diperhebatkan.

Terdapat beberapa kitab tentang perubatan tradisional Islam yang turut dikenali sebagai perubatan Nabi (*al-Tibb al-Nabawiyy*) yang merupakan khazanah berharga dalam ilmu perubatan Islam. Para pengumpul hadis tersohor seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam Tirmidhi dan Imam Ibn Majah telah mengumpulkan hadis-hadis Nabi berkaitan perubatan di dalam kitab Sahih mereka masing-masing. Selain itu, para ulama ilmunan Islam juga turut menyumbangkan khazanah berharga dalam bidang perubatan. Nurazmallail bin Marni (2014) telah membincangkan metod penulisan beberapa ilmunan Islam tentang perubatan Nabi atau perubatan Islam. Pendedahan sebegini adalah penting dan relevan kepada kajian ini.

Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din telah meninggalkan beberapa khazanah bernilai mengenai pengubatan Islam. Buku Siri Pengajian Pengubatan Islam. Beliau banyak menekankan bahawa konsep penyakit dan cara pengubatan berkait rapat dengan akidah Islam (Haron Din 2011a). Pengubatan Islam menekankan aspek akidah antaranya ia mengingatkan bahawa penyakit adalah salah satu ujian atau makhluk Allah dan kita perlu mendapatkan rawatan dengan cara yang betul dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Dari perspektif pengubatan atau rawatan Islam, terdapat banyak ayat-ayat ruqyah dan doa yang boleh diamalkan samaada untuk tujuan menghindar dari penyakit atau untuk merawat penyakit. Sebagai contoh ialah Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia yang lebih dikenali dengan nama Darussyifa' menawarkan rawatan alternatif ke atas pelbagai penyakit dan telah menerbitkan buku bersiri yang menyediakan pelbagai amalan ayat-ayat dan doa ruqyah yang boleh diamalkan. Darussyifa' yakin bahawa dengan izin Allah pelbagai jenis penyakit, samaada penyakit jasmani, penyakit rohani, mahupun sihir dapat dirawat dengan menggunakan kaedah alternatif menggunakan ayat-ayat dan doa ruqyah serta kaedah tertentu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam (Haron Din 2011a-2011e). Ini kerana, rawatan Islam menekankan akidah yang murni. Ia memantapkan keyakinan bahawa Allah jualah penyembuh dan rawatan dan ubatan adalah ikhtiar manusia.

KONSEP PENGUBATAN ISLAM ATAU RAWATAN ISLAM

Bahagian ini akan membincangkan secara ringkas tentang pengubatan Islam atau juga dipanggil rawatan Islam. Sebenarnya rawatan Islam sangat berkait rapat dengan akidah Islam. Ia merupakan salah satu cabang dari cabang-cabang ilmu dalam Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah serta ijthihad as-Salafussoleh (ulama muktabar

terdahulu). Rawatan atau pengubatan Islam juga dikenali sebagai rawatan nabi atau *al-tibb al-nabawiyy*. Rawatan Islam mendokong akidah Islam, justeru pandangan rawatan Islam terhadap isu Covid-19 adalah sama dengan pandangan akidah Islam. Ini kerana, akidah Islam adalah teras, asas dan sumber kepada rawatan Islam.

Maksud Pengubatan/Rawatan Islam

Dalam menjelaskan konsep rawatan Islam. Tuan Guru Dato' Harun Din menulis:

“Ilmu pengubatan Islam adalah salah satu ikhtiar atau usaha untuk menyembuhkan penyakit menggunakan cara khusus berpandukan al-Quran dan as-Sunnah serta ijtihad as-Salafussoleh (ulama muktabar terdahulu)” (Haron Din, 2011a: 1).

Berdasarkan definisi di atas, pengubatan Islam ialah suatu ikhtiar, usaha atau cara rawatan khas yang mempunyai kaedah yang khusus bersumberkan al-Quran, praktis atau ajaran dari Rasulullah dan ulama muktabar terdahulu. Kaedah rawatan Islam banyak menggunakan ayat suci al-Quran yang terpilih yang dikenali juga dengan ayat-ayat ruqyah dan doa-doa tertentu. Ada juga rawatan yang mempunyai kaedah dan alat khas yang tidak bercanggah dengan syarak.

Antara aspek penting dan unik dalam rawatan Islam ialah aktiviti rawatan dianggap sebagai usaha atau ikhtiar semata, bukanlah sebagai penyembuh atau alat yang berkuasa memberikan kesembuhan dengan dirinya sendiri. Rawatan Islam boleh digunakan dalam iktiar merawat dan meyembuhkan kedua-dua penyakit jasmani dan rohani atau spiritual yang kebiasaannya tidak boleh dilakukan oleh cara rawatan moden. Rawatan Islam perlu selari dengan hukum syarak dan akidah Islam yang murni. Justeru, perbuatan syirik, alatan yang haram adalah tidak dibenarkan. Seperkara lagi, rawatan Islam perlulah dilakukan semata-mata kerana Allah. Ini kerana ia juga dianggap sebagai suatu ibadah. Tuan Guru Dato' Harun Din telah menjelaskan perkara ini seperti berikut:

“Pengubatan Islam adalah suatu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan spiritual berdasarkan hokum syarak oleh orang yang mahir dengan kaedah rawatan yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT.” (Haron Din, 2011a: 3)

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa rawatan Islam adalah suatu kaedah rawatan yang telah mempunyai kaedah, sumber, alat, pandangan sarwa, disiplin, dan tatacaranya yang tersendiri. Dengan kata lain, kaedah rawatan Islam adalah suatu kaedah yang sistematik dan sempurna.

Sumber Rujukan Rawatan Islam

Keyakinan terhadap Allah, al-Quran dan doa-doa yan dibacakan adalah satu kemestian dalam rawatan Islam. Perkara ini mungkin sukar dibuktikan melalui kajian santifik

fizikal kerana ia melibatkan soal keimanan dan keyakinan yang tidak boleh diukur menggunakan ukuran manusia dan sains yang amat terhad.

Al-Quran adalah sumber asas utama dalam rawatan Islam sementara Rasulullah adalah petunjuk dan *role model*. Kaedah rawatan Nabi dikenali juga sebagai *al-Tibb al-Nabawi* diasaskan melalui petunjuk wahyu Allah SWT. Melalui petunjuk al-Quran dan sunnah Nabi kemudian lahirlah pengubatan atau rawatan Islam yang dibangunkan sebagai ikhtiar dalam merawat dan menyembuhkan penyakit jasmani dan rohani (Haron Din, 2011a: XVII). Harus diingat, rawatan Islam tidak pernah menafikan peranan hospital, klinik, dan rawatan moden. Ia dianggap rawatan alternatif dan komplementari dalam ihtiar merawat dan menyembuhkan pelbagai penyakit.

Rawatan Islam meyakini bahawa al-Quran boleh dijadikan sebagai ubat dan penawar kepada pelbagai penyakit. Ini selari dengan firman Allah dalam surah Al-Isra', 17:82:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلا يَنفَعُ الظَّالِمِينَ إِنَّا سَخَّرْنَا

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Mengulas ayat di atas, Tuan Guru Dato' Harun Din menyatakan:

“Ayat di atas menerangkan kepada kita bahawa pengubatan Islam adalah berteraskan kepada wahyu Ilahi yang diambil daripada petunjuk al-Quran dan as-Sunnah. Ia juga dikenali sebagai *at-Tibb an-Nabawi* (Pengubatan Rasulullah SAW). Apabila berasaskan wahyu Allah SWT, maka perlaksanaannya sudah tentu merupakan suatu bentuk ibadah yang dilakukan bagi mencari keredhaan Allah SWT. Oleh itu, apabila kita mendapat penyakit, Allah SWT menyuruh kita memohon kesembuhan kepadaNya” (Haron Din, 2011a: 3)

Kenyataan di atas menyokong penegasan bahawa rawatan Islam adalah satu kaedah rawatan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Ia merupakan kaedah pengubatan Rasulullah, iaitu cara rawatan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah sendiri berpandukan wahyu ilahi. Oleh kerana rawatan Islam ini bersumberkan al-Quran dan mengikut pedoman al-Sunnah, dan tujuannya ialah kerana Allah, jadi ikhtiar melalui rawatan Islam ini dianggap sebagai satu ibadah.

Rawatan Islam meyakini bahawa Allah jualah yang menyembuhkan penyakit (al-Syu'ara', 26:80). Penyakit dan penawar kesemuanya datang dariNya. Apabila seseorang

ditimpa sesuatu penyakit, Islam menyuruh kita berikhtiar mencari ubat, penawar atau rawatan, disamping berdoa kepada Allah. Ini kerana kesihatan adalah satu aspek yang penting dalam menjalankan ibadah. Umat Islam tidak seharusnya berputus asa dalam mencari penawar kepada sesuatu penyakit. Kita perlulah bersabar, berusaha dan bertawakkal. Kita perlu ingat bahawa penyakit juga merupakan satu ujian dari Allah kepada hambanya. Justeru, kita mestilah memastikan tubuh badan, jiwa dan akal kita sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera supaya dapat menunaikan ibadah dengan lebih sempurna.

PENDIRIAN AKIDAH DAN RAWATAN ISLAM DALAM ISU COVID-19

Islam adalah agama yang mempunyai pendirian yang jelas, tegas dan benar. Akidah merupakan salah satu komponen agama yang paling penting, justeru, kita perlu menjaga akidah Islam dalam isu Covid-19. Dalam aspek kehidupan manusia termasuklah isu berkaitan wabak penyakit dan bencana, Islam telah menggariskan akidah yang jelas, tegas dan benar yang perlu diimani oleh setiap orang Muslim. Pengubatan atau rawatan Islam pula sentiasa mendokong ajaran dan akidah Islam. Ilmu pengubatan Islam merupakan salah satu usaha atau ikhtiar untuk menyembuhkan penyakit menggunakan cara khusus berpandukan al-Quran dan as-Sunnah serta ijtihad as-Salafussoleh iaitu ulama muktabar terdahulu (Haron Din, 2011a, XIV, 1). Bahagian ini akan cuba mengupas secara ringkas pendirian akidah dan pengubatan Islam dalam isu Covid-19.

Beriman dengan Qada' dan Qadar

Salah satu rukun iman ialah beriman dengan qada' dan qadar iaitu mempercayai bahawa segala yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku telah ditentukan dan diketahui oleh Allah dan manusia perlu menerimanya segala ketentuan Allah dengan redha. Tiada sesuatu pun yang berlaku tanpa keizinan dan pengetahuan Allah, termasuklah isu Covid-19. Allah SWT berfirman dalam surah al-An'am (6), ayat 59:

﴿وَعِندَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَشْفَعُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ وَهُوَ فِي سَمَاءٍ مُّسْتَقِيمٍ ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ ۗ وَمَنْ يَسْرِقْ يُسْرِقْهُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَىٰ عِصْمَةٍ ۗ وَصَافِي ظِلْمٍ ۗ أَرْضٍ وَرَطْبٍ وَيَيْبَسِ ۗ إِنْ فِي لَقَابٍ بَيِّنٍ ۗ﴾

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.”

Penyakit adalah Ujian dari Allah SWT

Allah yang menciptakan manusia, mentakdirkan hidup dan mati untuk diuji siapakah yang lebih baik amalannya sebagaimana firmanNya:

Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat) (al-Mulk, 67: 2)

Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan (Al-Anbiya', 21:35).

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? (al-Ankabut, 29: 2).

Oleh itu, tidak hairanlah kehidupan manusia akan menempuhi pelbagai ujian dalam pelbagai bentuk. Ujian-ujian ini dapat mengukuhkan lagi keimanan, ketakwaan dan hubungan manusia dengan Allah. Mereka yang menempuhinya dengan sabar dan keimanan akan mendapat ganjaran pahala yang besar (Haron Din, 2011a:16; Abdul Hayie al-Alawie, 2013, xviii). Rasulullah SAW: "Tidak ada suatu musibah pun yang menimpa seorang muslim, kecuali dihapuskan Allah segala dosanya sekalipun kerana terucuk duri." (al-Bukhari).

Di antara manusia, ada yang diuji dengan kesenangan dan kemewahan, ada yang diuji dengan kesusahan, penyakit, bencana dan sebagainya. Mengenai isu Covid-19, ada yang berpendapat ia adalah bencana yang diturunkan sebagai balasan atas perbuatan jahat dan kezaliman umat manusia. Ada yang mengatakan ia adalah *kaffarah* kepada dosa-dosa umat manusia. Ada yang meyakini ia adalah ujian dan peringatan dari Allah kepada hambaNya supaya lebih berhati-hati dan Kembali kepada Allah.

Mengenai penyakit sebagai bala dan musibah, Tuan Guru Dato' Haron Din telah memberi pandangannya:

*"Dalam konteks lain, penyakit juga merupakan bala dan musibah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya akibat daripada perlakuan buruk mereka sendiri. Apabila banyak manusia yang melakukan *fahisyah* (kejahatan atau kemungkar), terjebak dalam perkara-perkara keji, syirik, banyak melakukan tipu daya dan sebagainya, adalah menjadi faktor*

Allah SWT menurunkan bala kepada manusia tersebut” (Haron Din, 2011a: 17).

Beliau menegaskan bahawa perkara inilah yang dimaksudkan dalam surah al-Anfal, 8:25:

وَلَقَدْ وَفَّيْنَاكَ أَنْتَ وَآلُفِيْنَ ظَمُوءَٰكُمْ خَاصْرًا وَأَعْرَضْنَا عَنْ بَلَاءِ الْمُؤْمِنِينَ

Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.

Dalam aspek ini, secara umumnya kita hendaklah berbaik sangka kepada Allah dan meyakini bahawa penyakit termasuklah Covid-19 telah termaktub dalam takdir Allah. Ia adalah salah satu ujian daripada Allah yang diturunkan dengan keizinan dan pengetahuanNya. Justeru, pendapat yang mengatakan Covid-19 tiada kaitan langsung dengan Allah adalah bercanggah dan ia telah menafikan ilmu, pengetahuan dan kekuasaan Allah.

Penyakit, Penawar dan Kesembuhan Anugerah Allah SWT

Selari dengan akidah Islam, pengubatan Islam mengajarkan bahawa penyakit, penawar dan kesembuhan adalah anugerah dari Allah. Kesemuanya datang dari Allah, dan tiada satu pun antara mereka yang terjadi tanpa pengetahuan dan keizinan dari Allah SWT.

Sebagai contoh, Allah SWT berfirman:

وَإِذَا مَرَضْتُمْ فَهُوَ يَشْفِيكُمْ

"Dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku (surah as-Sy'ara', 26:80).

Rasulullah SAW telah bersabda:

“Allah SWT tidak menurunkan suatu penyakit kecuali diturunkan bersamanya ubat.” (Ibn Majah).

Contoh dalil-dalil di atas membuktikan bahawa penyakit dan penawar atau kesembuhan pada hakikatnya datang dari Allah. Allah sahaja yang boleh memberikan kesembuhan atau memberi keizinan supaya penyakit seseorang sembuh. Ini kerana kesemua benda dan seluruh alam adalah miliknya, termasuklah kesembuhan dari penyakit.

Manusia Perlu Berusaha dan Berikhtiar

Islam menyuruh manusia supaya terus berusaha dan berikhtiar mencari penawar dan merawat penyakit yang dihadapi. Jangan sesekali kita berputus asa atau menyalahkan takdir. Maqasid shariah menekankan isu keselamatan dan kesejahteraan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Justeru, menjaga kesihatan dan nyawa adalah salah satu kewajipan kita. Dengan penularan Covid-19 atau lain-lain wabak merbahaya yang telah meragut ratusan ribu, bahkan jutaan nyawa, menjadi kewajipan ke atas kita semua dalam memelihara kesihatan dan nyawa (*hifz al-nafs*). Langkah-langkah pencegahan dan ikhtiar rawatan yang tidak bercanggah dengan shari'ah perlu dipatuhi dan diamalkan bersama.

Pengubatan Islam mempercayai bahawa setiap penyakit pasti ada ubatnya. Oleh sebab itu, Rasulullah sering menasihati umat manusia supaya terus berikhtiar untuk berubat dan mencari penawar bagi penyakit yang dihadapi. Sebagai contoh, beliau bersabda:

“Setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila dijumpai ubat kepada penyakit itu, nescaya disembuhkan dengan izin Allah ‘Azza wa Jalla.” (Muslim).

“Berubatlah kalian wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah SWT tidak menciptakan penyakit kecuali diciptakan juga bersama ubatnya, melainkan satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua.” (Ibnu Majah).

Antara nasihat Rasulullah berkaitan pencegahan penularan wabak ialah supaya memisahkan di antara orang yang dijangkiti wabak dengan orang yang sihat dan supaya tidak memasuki tempat yang dijangkiti wabak. Ini sebagai langkah pencegahan untuk membendung penularan wabak. Sebagai contoh, Rasulullah bersabda:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّحٍ

“Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.” (Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).

إِذَا سَمِعْتُمْ بِأَرْضٍ مَرَضَةٍ تَقْدُمُوا عَلَيْهَا وَإِذَا سَمِعْتُمْ بِأَرْضٍ مَرَضَةٍ فَتَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهَا

“Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.” (Hadis riwayat Imam Muslim).

Penyakit adalah Makhluq

Satu lagi pandangan penting dalam rawatan Islam ialah penyakit adalah makhluk Allah. Ini selari dengan ajaran Islam bahawa setiap yang wujud selain Allah adalah makhluk. Makhluk bererti benda yang diciptakan. Hanya Allah sahaja sebagai Pencipta, dan semua yang lain adalah makhluk, termasuklah penyakit. Lebih unik lagi, rawatan Islam mempercayai bahawa ada sesetengah penyakit atau penyebab penyakit boleh berinteraksi dan memberi tindak balas. Oleh sebab itu, ada sesetengah amalan rawatan Islam, seperti ketika membaca ayat atau doa ruqyah tertentu, perawat akan membacanya dengan nada yang berbeza pada tempat tertentu, samaada lebih lembut atau keras, bergantung kepada jenis interaksi perawat dan penyakit atau penyebab/pembawa penyakit. Mekera meyakini bahawa sesetengah penyakit atau penyebab penyakit tertentu akan terkesan atau memberi tindak balas kepada rawatan yang dilakukan. Apatah lagi sekiranya ia berkaitan dengan makhluk halus. Sudah pasti makhluk halus tersebut akan lebih terkesan dan akan memberi respon terhadap rawatan Islam.

Bahan dan Kaedah Rawatan Islam

Seperti yang telah dibincangkan di atas, rawatan atau pengubatan Islam ialah suatu ikhtiar, usaha atau cara rawatan khas yang mempunyai kaedah yang khusus bersumberkan al-Quran, praktis atau ajaran dari Rasulullah dan ulama muktabar terdahulu. Kaedah rawatan Islam banyak menggunakan ayat suci al-Quran yang terpilih yang dikenali juga dengan ayat-ayat ruqyah dan doa-doa tertentu. Ada juga rawatan yang mempunyai kaedah dan peralatan khas yang tidak bercanggah dengan syarak.

Secara ringkasnya, bahan-bahan yang biasa digunakan dalam rawatan Islam adalah seperti berikut:

- Ayat-ayat ruqyah tertentu
- Doa-doa ruqyah tertentu
- Air
- Bahan dan kaedah khusus mengikut kategori rawatan penyakit

Kebiasaanya, ayat-ayat ruqyah atau doa tertentu yang dibacakan ke atas pesakit menjadi kaedah umum dalam rawatan Islam. Kaedah ini boleh diaplikasikan ke atas pelbagai rawatan penyakit. Ini kerana ayat-ayat ruqyah dan doa tertentu diyakini mempunyai pelbagai khasiat, keunikan, penawar dan “keajaiban” tersendiri. Telah dinyatakan di atas bahawa Allah sendiri telah menjelaskan bahawa al-Quran adalah ubat penawar kepada manusia. Kaedah ini juga telah diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabat.

Air merupakan bahan umum yang digunakan dalam kebanyakan rawatan Islam. Air yang terbaik ialah air Zam Zam, air yang dibacakan surah Yasin, air hujan malam Jumaat dan sebagainya. Walaubagaimanapun, sekiranya tidak mendapati air tersebut,

air mineral sudah memadai. Kebiasaannya air ini akan diruqyahkan, dan seterusnya digunakan oleh pesakit, seperti untuk disapu, minum atau di buat bilasan mandi. Rawatan Islam meyakini terdapat pelbagai rahsia pada air. Air dilihat sebagai salah satu makhluk Allah yang boleh berinteraksi dan memberi respon kepada ayat atau doa yang dibacakan. Al-Quran telah menyebutkan perkataan ماء (air) sebanyak 27 kali. Air telah diketahui sebagai sumber kehidupan dan ia amat diperlukan oleh semua kehidupan.

Menurut kajian sains, hampir 60-70% dari kandungan badan manusia adalah air. Begitu juga planet bumi ini, lebih daripada 72% adalah air. Beberapa kajian telah dibuat dan mendapati bahawa molekul-molekul air boleh bertindakbalas mengikut ucapan kata-kata atau mengikut perkataan atau gambar yang dipamerkan kepadanya. Sebagai contoh, Dr. Masaru Emoto (1943-2014) telah banyak membuat kajian terhadap molekul air dan mendapati setiap molekul air akan menghasilkan bentuk kristal atau bentuk lain yang berlaian mengikut jenis air atau mengikut respon air terhadap bacaan, perkataan atau gambar. Menariknya, air yang dibacakan ayat suci al-Quran, zikir atau doa membentuk molekul Kristal yang amat cantik dan indah serta tersusun rapi. Air Zam Zam didapati sebagai air yang terbaik yang menghasilkan bentuk Kristal yang amat cantik dan indah. Sebaliknya air yang didedahkan dengan perkataan, gambar atau muzik yang tidak baik telah menghasilkan bentuk molekul yang buruk, tidak teratur dan pecah.


Antara contoh hasil kajian Dr. Masaru terhadap molekul air:



Molekul air yang didedahkan dengan perkataan atau muzik berlainan:



Wajah-Wajah Air yang CANTIK & HODOH



Rawatan Islam meyakini bahawa air yang baik, seperti air yang diruqyahkan, akan dapat mempengaruhi air lain dan badan manusia. Dr. Masaru Emoto juga telah membuat kajian ke atas air Zam Zam dan mendapati hanya setitik air Zam Zam boleh menjadikan 1000 titik air lain berubah baik dan mempunyai kualiti yang sama baik dengan air Zam Zam. Justeru, rawatan Islam meyakini air yang dibacakan ayat atau doa ruqyah mempunyai kelebihan tersendiri dan ia dapat mempengaruhi air dalam tubuh badan manusia untuk turut menjadi baik.

PERKONGSIAN RINGKAS

Bahagian ini menyediakan beberapa perkara menarik dan penting berkaitan penyakit dan cara rawatan alternatif sebagai ikhtiar kita yang boleh dikongsi secara ringkas seperti berikut.

Beberapa Perkara yang Menyebabkan Turunnya Bencana

Abdul Hayie al-Alawie (2013) di dalam buku berjudul *Siri Terapi Ruqyah al-Quran: Penyembuh Penyakit dan Penangkal Musibah* telah membincangkan perkara yang menjadi sebab turunnya bencana. Beliau juga turut mengupas jenis-jenis ibadah yang dapat menghilangkan bencana secara umum yang penulis anggap sangat relevan dengan isu Covid-19 dan boleh dijadikan pengajaran serta panduan kepada kita semua. Ringkasan perbincangan tersebut adalah seperti di bawah.

Perkara yang Menyebabkan Turunnya Bencana:

1. Mengabaikan al-Quran.
2. Berpaling mengingati Allah.
3. Pengangguran
4. Memakan makanan haram
5. Lalai.

Ibadah yang Dapat Menghilangkan Bencana Secara Umum:

1. Doa.
2. Membaca al-Quran dan Merenungkan Maknanya.
3. Istighfar.
4. Tasbih.
5. Perkataan “Laa ilaaha ilallah”.
6. Perkataan “Laa Hawla wala Quwwata illa billah”.
7. Perkataan :Hasbunallah wa Ni'ma al-Wakil”.
8. Bertawassul dengan cara yang disyariatkan.

Tips Menghadapi Covid-19: Panduan Menurut Perspektif Islam

JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) telah menyediakan tips ringkas tetapi bermakna berkaitan cara menghadapi Covid-19. Ia boleh di muat turun dari laman website JAKIM; <http://www.islam.gov.my/e-penerbitan/59-buku/2432-tips-menghadapi-covid-19-panduan-menurut-perspekstif-islam>. Antara aspek penting yang digariskan ialah:

- ❖ Saranan WHO dan Langkah Pencegahan.
- ❖ Langkah Pencegahan (1) Perlindungan Rohani.
- ❖ Langkah Pencegahan (2) Perlindungan Diri.
- ❖ Langkah Pencegahan (3) Ketika Bergejala.
- ❖ Perkara yang Perlu dilakukan Semasa Kuarantin di Rumah.
- ❖ Bersikap Positif dan Mendekatkan Diri kepada Allah SWT.
- ❖ Doa Nabi SAW dan ayat Ruqyah untuk Diamalkan apabila Sakit.
- ❖ Membantu orang yang Mempunyai Gejala Covid-19.

- ❖ Konsep Taubat.
- ❖ Sentiasa Bersangka Baik terhadap Allah SWT Ketika dalam Keadaan Kritikal Covid-19.

Tips yang diberikan adalah ringkas, senang dan praktikal. Ia telah memasukkan aspek-aspek rohani, ajaran dan amalan Islam. Saranan WHO tetap dipatuhi disamping menggalakkan umat Islam untuk mempraktikkan amalan alternatif dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Berikut adalah perkongsian ringkas perkara tersebut.

TIPS MENGHADAPI COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Apa itu COVID-19?

COVID-19 adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV

Saranan WHO dan Langkah Pencegahan

- Kerap mencuci tangan
- Merutup mulut dan hidung ketika bersin dan batuk
- Masak daging dan telur dengan sempurna
- Elak bersentuhan dengan individu yang mempunyai gejala
- Duduk rumah

Hubungi CPRS Kebangsaan/ Negeri/ Klinik Maya untuk maklumat lanjut

TIPS MENGHADAPI COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Langkah PENCEGAHAN (1)
Perlindungan Rohani

- Berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT**
Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoakan kamu kepadaku, nescaya Aku perkenankan doo permohonan kamu. (Surah Ghafir, 40:60)
- Banyakkan istighfar, zikir, selawat ke atas Nabi SAW**
Zakiah (mengingat Allah SWT) merupakan amalan yang paling utama di sisi Allah SWT: "... dan sesungguhnya mengingat Allah itu adalah lebih besar (keadaanya dan kesannya). (Surah al-Ankabut 29: 45)
- Solat subuh tepat pada waktunya**
Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Sesapa yang bersolat subuh maka dia akan sentiasa berada dalam perlindungan Allah SWT. (Riwayat Muslim: 657)
- Solat Dhuha**
Allah SWT berfirman (hadith Quat), masyaAllah, Wahai anak Adam, solatlah 4 rakaat (dhuha) untuk Ku pada awal hari, nescaya Aku sempurnakan baik hari mu. (Riwayat al-Tirmid: 475)

Doa sebelum keluar rumah	Doa agar dilindungi dari penyakit	Doa dilindungi dari musibah
بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ	اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الرَّعْبِ، وَالْجُودِ، وَالْجَذْبِ، وَنَسِيبِ الْأَشْقَرِ	اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْبَلَاءِ، وَنَذْرَةِ الشَّقَاءِ، وَشَوْءِ الْقَضَاءِ، وَخِلَافَةِ الْأَقْدَاءِ
Dengan nama Allah, aku berserah diri kepada-Nya dan tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan-Nya. (Riwayat Abu Daud: 8095)	Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada penyakit: sapak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk. (Riwayat Abu Daud: 1554)	Ya Allah, aku berlindung dengan Mu dari kesesahan musibah, dari fitan kekelekaan, dari hal-hal yang buruk dan dari kegelibiran musun yang jahat. (Riwayat al-Bukhari: 6347)

Saranan WHO dan Langkah Pencegahan / Langkah Pencegahan (1) Perlindungan Rohani.

TIPS MENGHADAP COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Langkah PENCEGAHAN (2) Perlindungan Diri

1 **Duduk di rumah**
Jangan keluar rumah melainkan betul-betul perlu. Sekiranya perlu keluar untuk mendapatkan barang keperluan rancanglah dengan teliti supaya dapat membeli barang dengan secukupnya untuk mengelakkan kekerapan keluar rumah.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Keselamatan bagi seseorang itu pada zaman fitnah (terutama penyakit berjangkit) ialah bahawa dia memerhatikan diri di dalam rumahnya. (Sahih al-Jami' al-Saghir: 3449)

Allah SWT melarang perbuatan yang mendedahkan kepada kemudatan. Firman-Nya yang bermaksud: "...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kedalam bahaya kebinasaan". (Surah al-Baqarah, 2:195)

2 **Jauhi tempat-tempat yang berisiko**
Elakkan berada di tempat-tempat sesak dan berisiko.

3 **Penjarakan sosial**
Pastikan anda sentiasa menjarakan diri 1 meter dari orang lain dalam semua keadaan.

4 **Sekiranya anda keluar rumah, pastikan:**

- Pakai penutup muka, dan buang dengan teratur selepas diguna
- Elakkan menyentuh mata, hidung dan mulut
- Sentiasa menggunakan hand sanitizer dan basuh tangan sekerap mungkin terutamanya apabila balik ke rumah

TIPS MENGHADAP COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Langkah PENCEGAHAN (3) Ketika Bergejala

STOP COVID-19

Langkah yang perlu diambil apabila terdapat gejala

- Mengasingkan diri (kuarantin)
- Berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT
- Sentiasa mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pakar kesihatan
- Jangan berfengah untuk mendapatkan bantuan sekiranya anda memerlukan pertolongan
- Dilarang hadir untuk solat berjemaah

Langkah Pencegahan (2) Perlindungan Diri. / Langkah Pencegahan (3) Ketika Bergejala.

TIPS MENGHADAP COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Perkara yang perlu dilakukan semasa KUARANTIN diri di rumah

Sekiranya anda atau orang yang tersayang menunjukkan gejala penyakit COVID-19, adalah penting untuk mengasingkan diri (kuarantin) dengan segera bagi mengelak penularan penyakit ini.

- Banyakkan solat sunat seperti solat hajat dan solat duha
- Membaca al-Quran
- Sentiasa mengingati Allah SWT dengan berzikir, bertawakal dan bertahmid
- Berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT.
- Banyakkan berselawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW
- Membaca buku ilmiah dan bermanfaat
- Mendengar tazkirah atau peringatan yang baik
- Menghubungi keluarga
- Muhasabah diri
- Bersenam
- Mempelajari kemahiran baharu secara online
- Minum air secukupnya dan kekal gaya hidup sihat

TIPS MENGHADAP COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Bersikap POSITIF dan mendekatkan diri kepada Allah SWT

Sekiranya anda diuji dengan virus COVID-19, senantiasakan bersikap positif dan berangka baik terhadap Allah SWT. Semua yang dikehendaki Allah SWT ada kebajikan dan hikmah tertentu, sama ada kita sedari atau sebaliknya.

Musibah penghapus dosa
Rasulullah SAW bersabda: Musibah (ujian) tidak akan berhenti menimpa seseorang hamba sehingga dia berjalannya di atas muka bumi dengan tidak mempunyai dosa. (Riwayat al-Tirmidzi: 2398)

Tanda kasih sayang Allah
Rasulullah SAW bersabda: Apabila Allah SWT mengasihani sesuatu kaum, maka Dia akan menandatangani ujian kepada mereka. (Riwayat al-Tirmidzi: 2394)

Allah menjadikan hidup dan mati itu sebagai ujian
Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan la Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun (bagi orang-orang yang bertaubat). Surah al-Mulk: 67:2

Perkara yang Perlu dilakukan Semasa Kuarantin di Rumah. / Bersikap Positif dan Mendekatkan Diri kepada Allah SWT.

TIPS MENGHADAPI COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

DOA Nabi SAW dan ayat RUQYAH untuk diamankan apabila sakit

Kita dituntut sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah SWT, terutama ketika berhadapan musibah. Berikut merupakan doa Nabi SAW dan ayat ruqyah yang wajar dibaca dan diamalkan sewaktu kita dan negara dianda wabak penyakit COVID-19.

Pertama Membaca surah al-Fatihah

Kedua Membaca tiga surah iaitu surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan al-Nas.

Ketiga: Membaca doa untuk mengubati penyakit

اللَّهُمَّ رَبِّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَأْسَ وَأَنْتَ السَّامِيُّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ يَا مَنْ لَا يُغَادِرُ شَيْئًا مَأْسُومًا

Maksudnya: Ya Allah, Tuhan sekalian manusia, Tuhan yang menyembuhkan penyakit, sembuhkanlah (penyakit hamba-Mu ini) kerana Engkau Maha Penyembuh, Tiada yang menyembuhkan melainkan penyembuhan daripada-Mu. (pakaian) (a) penyembuhan yang tidak diulangi dengan penyakit lagi. (Riwayat al-Bukhari: 5743)

Keempat: Membaca doa untuk melegakan kesakitan

أَعُوذُ بِكَ يَا اللَّهُ وَبِكَ اللَّهُ وَبِأَنَّكَ مِنْ شَيْءٍ مَا أُجِدُّ وَأَحَافِظُ

Maksudnya : Aku berlindung dengan Allah dengan ketegangan dan kekuasaannya daripada penyakit apa yang aku derita dan aku bimbangkan. (Riwayat Muslim, 2202)

TIPS MENGHADAPI COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

MEMBANTU orang yang mempunyai GEJALA COVID-19 PANDEMIC

Berdoa agar Allah menyembuhkan mereka

Minta orang lain turut mendoakan mereka

Bersedekah dengan harapan Allah akan menyembuhkan mereka

Pastikan mereka dalam keadaan baik, sentiasa optimis dan tidak berputus asa

Membantu mereka dengan pelbagai cara yang boleh di samping memastikan keselamatan diri dan orang lain

Doa Nabi SAW dan ayat Ruqyah untuk Diamalkan apabila Sakit. / Membantu orang yang Mempunyai Gejala Covid-19.

TIPS MENGHADAPI COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Konsep TAUBAT

Bertaubat hukumnya wajib bagi memastikan seseorang bebas daripada segala dosa yang melibatkan hak Allah dan juga hak manusia.

Dosa berkaitan hak Allah SWT

Dosa dengan Allah merangkumi meninggalkan segala sunahan dan melakukan larangan Allah SWT.

Syarat bertaubat melibatkan hak Allah SWT:

- 1 Menyesal di atas segala perbuatan dosa yang dilakukan.
- 2 Menyucikan diri daripada perbuatan dosa dan berhenti daripada melakukan maksiat serta meminta ampun di atas apa yang telah dilakukan daripada Allah SWT.
- 3 Berazam tidak akan melakukan lagi segala perbuatan tersebut serta menjauhkannya.
- 4 Mengaadhakan segala apa yang telah terlupe seperti amalan-amalan sembahyang, puasa dan lain-lain.

Dosa berkaitan hak manusia

Dosa dengan manusia merangkumi mengambil harta seseorang individu atau melibatkan maruah dan jiwa.

Cara bertaubat dari dosa dengan manusia adalah sebagaimana syarat di atas, dengan tambahan satu syarat iaitu perlu memohon maaf kepada manusia terhadap dosa yang berkaitan maruah dan jiwa, dan mengembalikan harta benda yang diambil.

TIPS MENGHADAPI COVID-19
Panduan Menurut Perspektif Islam

Sentiasa BERSANGKA BAIK terhadap Allah SWT KETIKA dalam keadaan KRITIKAL COVID-19

Adalah sangat penting untuk bersangka baik terhadap Allah SWT, lebih-lebih lagi semasa berada di tahap kritikal ini.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ مَوْتِهِ يَقُولُ: لَا يَمُوتُنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah al-Anshari RA, beliau berkata: Aku mendengar Nabi SAW bersabda ketika tiga hari sebelum Baginda wafat: Janganlah salah seorang daripada kamu meninggal dunia kecuali dia berbaik sangka kepada Allah SWT. (Riwayat Muslim: 2877)

Sekiranya Anda PULIH Daripada Penyakit COVID-19 PANDEMIC

- Ucapkan Alhamdulillah & berterima kasih pada Allah SWT
- Jangan menjadi leka dan terus mendekatkan diri dan berdoa kepada Allah SWT
- Melakukan sujud syukur

Konsep Taubat / Sentiasa Bersangka Baik terhadap Allah SWT Ketika dalam Keadaan Kritikal Covid-19.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti isu Covid-19 dari perspektif akidah Islam dan rawatan Islam. Ia telah mengenengahkan beberapa isu dan permasalahan akidah yang timbul berkaitan Covid-19. Pandangan akidah Islam dan rawatan Islam mengenai penyakit, ikhtiar rawatan dan kesembuhan telah dijelaskan. Kajian ini mendapati pandangan rawatan Islam amat selari dengan pandangan akidah Islam, yang merupakan asas rujukannya. Ilmu dan kaedah rawatan Islam adalah bersumberkan al-Quran, praktis atau ajaran dari Rasulullah dan ulama muktabar terdahulu. Banyak unsur-unsur akidah Islam diterapkan dalam amalan dan praktis rawatan Islam. Ia telah lama diamalkan oleh Rasulullah, para sahabat dan ulama muktabar sehingga ke hari ini. Oleh itu, rawatan atau pengubatan Islam perlu diperkasakan dan dimartabatkan ke peringkat yang lebih tinggi. Umat Islam seharusnya sentiasa bersabar, bersyukur dan memperbaiki akidah, ibadah, dan segala aspek kehidupan supaya selari dengan ajaran Islam. Covid-19 seharusnya dijadikan sebagai pengajaran dan teguran kepada kita dalam memperbaiki hubungan kita dengan Allah dan makhluknya. Semoga Allah akan mengangkat ujian Covid-19 ini secepat mungkin. Kerana Dialah (Allah) yang menurunkan penyakit dan Dia jualah yang mengurniakan penawar dan kesembuhan.

RUJUKAN

- Al-Alawie, Abdul Hayie, 2013. *Siri Terapi Ruqyah al-Quran: Penyembuh Penyakit dan Penangkal Musibah*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Pustaka Azhar.
- Fatan Hamamah Hj Yahaya. (2005). Laporan Penyelidikan: Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesannya terhadap Manusia di Malaysia. *Sari*, 23, 153-168. http://journalarticle.ukm.my/1066/1/Laporan_Penyelidikan-Kemunculan_Penyakit_berjangkit.pdf.
- Haron Din, Mokhtar Kassin dan Azizan Ramly. 2008. *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit dengan Ayat-Ayat dan Doa-Doa Mustajab*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Haron Din. 2011a. *Pengantar Pengubatan Islam*. Siri Pengajian Pengubatan Islam. Jilid 1. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Haron Din. 2011b. *Rawatan Penyakit Jasmani (I)*. Siri Pengajian Pengubatan Islam. Jilid 2. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Haron Din. 2011c. *Rawatan Penyakit Jasmani (II)*. Siri Pengajian Pengubatan Islam. Jilid 3. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Haron Din. 2011d. *Rawatan Penyakit Rohani*. Siri Pengajian Pengubatan Islam. Jilid 4. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.

- Haron Din. 2011e. *Rawatan Penyakit Akibat Sihir*. Siri Pengajian Pengubatan Islam. Jilid 5. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). (2020). Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam: Covid-19. http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/GP_PENGURUSAN_JENAZAH_ISLAM_COVID-19.pdf.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2020. Tips Menghadapi Covid-19 - Panduan Menurut Perspektif Islam. <http://www.islam.gov.my/e-penerbitan/59-buku/2432-tips-menghadapi-covid-19-panduan-menurut-perspektif-islam>.
- Nurazmallail bin Marni. 2014. Sumbangan Ilmuan Islam dalam Perubatan Nabi (al-Tibb al-Nabawiyy). Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi dalam Konsep dan Aplikasi (ELCIST 2014). Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahman, Fazlur. 1995. *Islam Ideology and the Way of Life*. Kuala Lumpur: A. S. Nordeen.
- Segell, Glen. How Tangible are Contacts between Africa and Islam: Covid-19 aka Coronavirus. *Research on Islam and Muslim Africa*, 8(5). https://www.researchgate.net/publication/340050350_How_tangible_are_contacts_between_Africa_and_Islam_COVID-19_aka_Corona_Virus
- The Muslim Council Britain. Updated- Coronavirus (Covid-19) Guidance for Muslim Communities. <https://mcb.org.uk/mcb-updates/coronavirus-guidance-for-mosques-and-madrassas/>.
- Tok, M Evren and Khaled, Bayan. Islam Covid-19 and the Global Panic. <https://www.gulf-times.com/story/659121/Islam-Covid-19-and-the-global-moral-panic>.
- Undang-Undang Malaysia. 2017. *Akta 342: Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988*. Versi dalam Talian Teks Cetakan Semula yang Kemas Kini. <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Draf%20Muktamad%20-%20Akta%20342.pdf>.